

SIARAN AKHBAR
Untuk Edaran Segera
28 April 2026

SD Guthrie dan MBI Selangor Menandatangani MOU untuk Pembangunan Strategik di Sepang

Cadangan pembangunan industri berfokuskan aeroangkasa menyokong transformasi serantau dalam Pembangunan Bersepadu Wilayah Selatan Selangor (IDRISS).

Petaling Jaya, 28 April 2026 – SD Guthrie Berhad dan Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) (MBI Selangor) akan meneroka kerjasama strategik bagi cadangan pembangunan industri guna campur berskala besar di Ladang Sepang, Selangor, bersebelahan KLIA Aeropolis.

Pembangunan 2,500 ekar yang dicadangkan tersebut dibayangkan sebagai sebuah taman perindustrian bersepadu yang disokong oleh komponen komersial serta kawasan kediaman pelengkap. Berkedudukan dalam koridor pembangunan lebih luas yang diterajui oleh kerajaan negeri, projek ini dijangka memacu pertumbuhan ekonomi jangka panjang dan menjadi destinasi pelaburan utama, selaras dengan objektif Rancangan Selangor Pertama 2021–2025 (RS-1).

Terletak dalam Pembangunan Bersepadu Wilayah Selatan Selangor (IDRISS), kawasan tersebut merupakan sebahagian daripada Hab Koridor Infinity Sepang di bawah Rancangan Tempatan Sepang 2035. Secara keseluruhannya, rangka kerja ini menjadi asas kepada koridor pertumbuhan strategik di wilayah berpotensi tinggi tersebut bagi menarik pelaburan bernilai tinggi serta memperkukuhkan ekosistem logistik dan perindustrian Selangor.

Pembangunan tersebut akan menempatkan pelbagai infrastrukturnya perindustrian, termasuklah bagi sektor-sektor pembuatan, logistik dan perkhidmatan nilai tambah yang disokong oleh kemudahan perniagaan, pusat latihan serta pelbagai lagi kemudahan masyarakat. Projek ini dijangka untuk terus memperkukuhkan kedudukan negeri Selangor sebagai hab utama bagi industri dan pelaburan.

Di majlis menandatangani Memorandum Persefahaman (MOU) antara kedua-dua pihak, YAB Dato' Seri Amirudin Shari, Menteri Besar Selangor, berkata bahawa kerjasama yang terjalin mencerminkan komitmen negeri dalam membangunkan perbandaran guna campur dan taman perindustrian yang dirancang secara strategik bagi menyokong pertumbuhan ekonomi jangka panjang.

“Dengan memanfaatkan keupayaan institusi dan kepakaran industri, inisiatif ini dijangka dapat menyediakan keupayaan aeroangkasa bersepadu yang disokong oleh infrastruktur pintar dan mampan. Projek ini dirancang untuk menyokong industri bernilai tinggi, termasuk aeroangkasa dan logistik, sebagai sebahagian daripada ekosistem ekonomi yang lebih luas dan pelbagai. Ia juga akan melengkapkan fasa pertumbuhan seterusnya Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur, memperkukuhkan daya tarikan Selangor kepada pelabur

global, serta dijangka mewujudkan lebih 32,000 peluang pekerjaan menjelang tahun 2030,” katanya.

Tan Sri Dr Nik Norzrul Thani Nik Hassan Thani, Pengerusi Guthrie, berkata bahawa inisiatif tersebut mencerminkan komitmen berterusan Guthrie dalam menyokong pembangunan berimpak tinggi untuk Selangor dan negara. Ia merupakan inisiatif kedua antara Guthrie dan MBI Selangor, yang dibina atas hubungan kerjasama dan kepercayaan yang kukuh antara kedua-dua pihak, susulan kerjasama projek pembangunan bersepadu sebelum ini di Pulau Carey, Selangor.

“Kami menasak untuk mewujudkan nilai jangka panjang melalui pembangunan tanah strategik dan pengelompokan industri bagi menyokong transformasi ekonomi di negeri Selangor. Pengurusan tanah secara strategik mampu meningkatkan nilai ekonomi, integriti alam sekitar dan keseimbangan sosial, di samping mewujudkan impak berkekalan kepada negeri dan pihak berkepentingan, serta meningkatkan keyakinan pelabur,” katanya.

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan MBI Selangor, Dato’ Ts. Saipolyazan M. Yusop berkata Memorandum Persefahaman (MOU) tersebut menegaskan komitmen berterusan MBI Selangor dalam memajukan pembangunan strategik yang menyokong keutamaan pertumbuhan jangka panjang di Selangor.

“Sebagai cabang pelaburan negeri, MBI Selangor memainkan peranan sebagai pemangkin dalam menterjemahkan aspirasi ekonomi negeri Selangor kepada pembangunan nyata yang berimpak tinggi. Pembangunan perindustrian ini dibayangkan sebagai nod pertumbuhan strategik IDRIS, yang memperkukuhkan ekosistem penerbangan dan perindustrian negeri, di samping memanfaatkan kedudukan lokasi yang berhampiran dengan KLIA serta infrastruktur sedia ada.

Melalui projek bersama SD Guthrie ini, kami bukan sahaja membuka potensi penuh kawasan ini, tetapi juga membentuk kluster industri yang bersedia untuk masa hadapan, serta mampu menarik pelaburan bernilai tinggi, meningkatkan keupayaan industri dan menjana peluang pekerjaan yang berkualiti. Inisiatif ini mencerminkan fokus berterusan kami dalam membina landskap ekonomi yang berdaya saing, berdaya tahan serta mampan untuk memberikan nilai jangka panjang kepada negeri Selangor dan rakyatnya,” kata beliau.

Untuk maklumat lanjut, sila layari www.sdguthrie.com.

Mengenai SD Guthrie Berhad

SD Guthrie Berhad (Guthrie) ialah syarikat global terkemuka dan bertanggungjawab dalam sektor pengeluaran Minyak Sawit Disahkan Mampan (CSPO). Dengan tenaga kerja hampir 83,000 orang, kami memenuhi keperluan pengguna dan pelbagai jenama makanan di 86 buah negara. Minyak sawit yang kami hasilkan adalah bebas daripada penebangan hutan dan boleh dikesan sumber asalnya.

Dengan sejarah penubuhan melangkaui 200 tahun, kami kini merupakan peneraju inovasi yang membangunkan generasi baharu robotik serta penyelesaian berasaskan teknologi bagi sektor minyak sawit dan perniagaan tani. Kami turut memenuhi permintaan bagi tenaga boleh diperbaharu melalui pembangunan projek solar dan taman perindustrian berprestasi tinggi, sambil memanfaatkan kepimpinan kami dalam kelestarian untuk membina lebih banyak kejayaan serta perniagaan yang siap siaga menghadapi masa depan.

Kelestarian adalah teras kepada segala yang kami lakukan. Sebagai syarikat minyak sawit pertama dunia dengan sasaran pengurangan gas rumah hijau bersih-sifar yang diluluskan oleh Science Based Targets initiative (SBTi), kami melangkaui dan meningkatkan penanda aras sedia ada melalui rangka kerja kelestarian “Beyond Zero”, demi memacu perubahan yang bermakna dalam sektor industri kami.

Guthrie mengendalikan 232 ladang sawit di Malaysia, Indonesia, Papua New Guinea, dan Kepulauan Solomon, yang disokong oleh 10 kilang penapisan dengan jumlah kapasiti tahunan sebanyak empat juta tan metrik. Kami menghasilkan 12% daripada jumlah keseluruhan CSPO di dunia. Kami juga menghasilkan dan menjual pelbagai derivatif minyak sawit seperti oleokimia, biodiesel, dan nutraseutikal, serta giat membangun dan mengkomersialkan benih sawit berprestasi tinggi dan lebih berdaya tahan terhadap cabaran perubahan iklim. Disenaraikan di Bursa Malaysia (KLSE: SDG) dengan modal pasaran sebanyak RM41.70 billion (USD10.55 billion) setakat 27 April 2026, Guthrie adalah salah satu syarikat strategik milik Permodalan Nasional Berhad, syarikat amanah saham terbesar di Malaysia dan pemegang saham utama kami. Kami turut disokong oleh beberapa institusi pelaburan besar yang lain seperti Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) (KWAP).

Untuk maklumat lanjut, sila layari www.sdguthrie.com.

Atau hubungi:

- **Michael Murty, Komunikasi Strategik**
Tel: +6016-326 8373 | E-mail: michael.murty@sdguthrie.com
- **Azneal Azam, Komunikasi Strategik**
Tel: +6016-337 6160 | E-mail: azneal.azam@sdguthrie.com

Mengenai Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) (MBI Selangor)

Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) (MBI Selangor) merupakan cabang pelaburan strategik Kerajaan Negeri Selangor yang diberi mandat untuk memacu pertumbuhan ekonomi mampan serta penciptaan nilai jangka panjang bagi negeri tersebut.

MBI Selangor memainkan peranan utama dalam memangkinkan pembangunan berimpak tinggi, memudahkan cara perkongsian strategik serta membuka potensi sektor-sektor utama bagi memperkukuhkan kedudukan Selangor sebagai hab ekonomi terkemuka di Malaysia dan wilayah ini. Tumpuan pelaburannya merangkumi infrastruktur, pembangunan industri, tenaga, ekonomi digital dan sektor-sektor keutamaan lain yang selaras dengan agenda pembangunan jangka panjang negeri.

Berpandukan aspirasi Rancangan Selangor Pertama (RS-1) dan Pembangunan Bersepadu Wilayah Selatan Selangor (IDRISS), MBI Selangor secara aktif menyokong inisiatif yang meningkatkan daya saing, menarik pelaburan berkualiti serta mewujudkan peluang sosioekonomi yang bermakna untuk rakyat Selangor.

Melalui pendekatan pelaburan yang disiplin dan berpandangan jauh, MBI Selangor komited untuk menyampaikan pertumbuhan yang mampan, inklusif dan berdaya tahan, di samping memperkukuh tadbir urus, penjagaan alam sekitar serta nilai kepada pihak berkepentingan dalam keseluruhan portfolionya.

Untuk maklumat lanjut, layari: <https://www.mbiselangor.com>

Atau hubungi:

- **Mohd Fauzi Mohd Ghazali, Ketua Komunikasi Korporat dan Kelestarian**
Tel: +6012-672 3632 | E-mail: mohdfauzi@mbiselangor.com.my
- **Muhammad Zulhilmi, Senior Executive Komunikasi Korporat**
Tel: +6013-390 3804 | E-mail: zulhilmi@mbiselangor.com.my